

**TEKS UCAPAN ALUAN**  
**WAKIL NAIB CANSELOR UTeM**

---

**KARNIVAL & PERSIDANGAN E-PEMBELAJARAN UTeM 2019**  
**(ELCC2019)**

*26 Jun 2019, 2.30 petang, Dewan UTeM 1, Kampus Teknologi*

*Bismillahirrahmanirrahim*

Terima kasih kepada Saudari Pengacara Majlis

**Yang Berbahagia Prof. Dr. Zulkiflie bin Ibrahim**

Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi)

**Yang Berbahagia Prof. Madya Dr. Nurulfajar bin Abd Manaf**

Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar)

**Penolong-Penolong Naib Canselor**

**Yang Berusaha, Profesor Dr. Sazilah binti Salam,**

Pengarah Pusat Sumber & Teknologi Pengajaran (PSTP)

**Pegawai-pegawai Kanan Universiti**

## **Juri-Juri Jemputan dari MEIPTA dan Pakar-Pakar e-Pembelajaran IPTS Negeri Melaka**

### **Jawatankuasa Karnival & Persidangan e-Pembelajaran 2019**

**Para Peserta, Staf, pelajar, hadirin dan hadirat yang saya hormati sekalian.**

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam sejahtera,

1. Pertama sekali, saya ingin sampaikan salam Prof. Dr. Raha Abdul Rahim, Naib Canselor UTeM yang tidak dapat bersama kita pada petang ini kerana urusan rasmi lain yang perlu dihadiri. Beliau berharap agar para hadirin dan hadirat semua mendapat sesuatu yang bermanfaat daripada penganjuran ELCC ini.

Hadirin dan Hadirat sekalian,

2. Alhamdulillah, segala puji kehadiran Allah SWT, yang mengizinkan kita untuk bersama-sama berkumpul pada petang ini bersempena Karnival & Persidangan e-Pembelajaran UTeM 2019 (ELCC2019) anjuran Pusat Sumber & Teknologi Pengajaran (PSTP) UTeM.
3. Dikesempatan ini, saya bagi pihak Universiti Teknikal Malaysia Melaka ingin mengalu-alukan kehadiran wakil-wakil dari MEIPTA, wakil-wakil dari IPTA dan IPTS sekitar Negeri Melaka ke majlis ini. Saya percaya kehadiran tuan-tuan dan puan –puan pada hari ini tidak lain dan tidak bukan, dengan satu iltizam dalam menyokong, menggalak, berkongsi, dan mengiktiraf kecemerlangan inisiatif e-Pembelajaran yang dilaksanakan oleh para akademik, penyelidik dan pelajar dari

institusi pengajian tinggi awam dan swasta termasuklah Politeknik dan Kolej Komuniti.

4. Diharapkan menerusi usaha murni ini dapat meningkatkan lagi tahap keberkesanan pengajaran dan pembelajaran khususnya menerusi kaedah e-pembelajaran di peringkat pendidikan tinggi.

**Hadirin dan Hadirat sekalian,**

5. Penggunaan e-learning dalam pembelajaran dan pengajaran telah lama diaplikasikan di dalam sistem pendidikan di negara kita. Sebagai ahli akademik, pengetahuan dan kemahiran dalam mengaplikasikan e-pembelajaran dalam pembelajaran & pengajaran adalah satu keperluan yang amat penting dan hendaklah senantiasa dipertingkat dan diperbaharui dari masa ke masa. Ini bagi memastikan impak penyampaian yang maksimum dapat diberikan selaras dengan perkembangan arus teknologi yang semakin deras masa kini.

6. Lebih-lebih lagi, dalam era Revolusi Industri 4.0, usaha mendidik pelajar terutama di peringkat pendidikan tinggi merupakan satu amanah dan tanggungjawab yang amat mencabar. Pendekatan pembelajaran & pengajaran perlu pantas berubah selari dengan perkembangan teknologi masa kini. Justeru itu, pensyarah dan pelajar perlu disedarkan dengan keperluan untuk mentransformasikan kualiti diri dan bersedia untuk menerima pakai pelbagai teknik, pendekatan, dan inovasi berasaskan teknologi terkini, yang lebih bersifat berarah-kendiri atau self-directed, fleksibel, berpusatkan pelajar, dan sepanjang hayat.

**Hadirin dan Hadirat sekalian,**

7. Sebagai pendidik, kita perlu memahami mengapa teknik, pendekatan dan inovasi berasaskan teknologi terkini penting dalam era revolusi industri 4.0. Ini adalah kerana dengan era teknologi maklumat di hujung jari masa ini memberi kebebasan kepada kita semua untuk mencari apa sahaja maklumat yang dikehendaki dengan begitu mudah, tanpa sebarang halangan.
8. Kemahiran yang diperlukan untuk menjadi seorang pelajar yang berjaya dan cemerlang dalam era ini telah menuntut mereka untuk berubah secara drastik, dari penerima pasif kepada penganalisis dan pensintesis. Menurut taksonomi Bloom, tahap ini sukar dan jarang dicapai dalam pendidikan formal. Namun, dalam era kemajuan ini, ia merupakan satu kemahiran penting kepada graduan untuk terus bersaing dan mengekalkan kualiti diri.
9. Dalam revolusi ini, para pengajar pula tidak lagi boleh menuntut bahawa mereka merupakan pakar tunggal yang

mempunyai maklumat atau pengetahuan tersebut. Dengan teknologi terkini dan ditambah pula dengan kemahiran yang dimiliki, para pelajar mempunyai peluang untuk berada di tahap yang sama dan tidak mustahil untuk berada di tahap yang jauh lebih baik dari seorang pengajar sekiranya pengajar tersebut tidak mempunyai tahap kesedaran dan tidak mahu mengubahkan diri mereka.

**Hadirin dan Hadirat sekalian,**

10. ELCC2019 ini dianjurkan dengan hasrat untuk mendorong para akademik dan pelajar, khususnya di UTeM, agar lebih giat lagi dalam menjalankan inisiatif, meningkatkan kualiti



dan keberkesanan inovasi e-Pembelajaran dalam sesi Pembelajaran & Pengajaran (P&P).

11. Untuk itu, saya mengambil kesempatan ini mengucapkan setinggi-tinggi tahniah dan syabas kepada warga kerja Pusat Sumber & Teknologi Pengajaran dengan kerjasama Majlis Ketua-Ketua Penyelaras e-Pembelajaran IPTA Malaysia (MEIPTA), dan Kumpulan Penyelidikan Pervasive Computing & Educational Technology (PET) di atas penganjuran Karnival & Persidangan e-Pembelajaran UTeM 2019 kali ini.
  
12. Jutaan terima kasih juga kepada semua pihak yang telah terlibat dalam menjayakan program ini terutama sekali Juri-Juri Jemputan dari kalangan ahli Majlis Ketua-Ketua Penyelaras e-Pembelajaran IPTA Malaysia dan Pakar-Pakar e-Pembelajaran Universiti Awam dan IPTS sekitar Negeri Melaka. Tidak lupa juga kepada syarikat Akari Software

Cemerlang Niaga, CR Multimedia dan eLearningMinds yang amat bermurah hati menjadi penaja bagi penganjuran program kali ini.

13. Harapan saya agar ELCC2019 menjadi satu platform perkongsian dan pengembangan hasil kajian penyelidikan dan inovasi e-Pembelajaran dalam P&P ke arah pengiktirafan di peringkat kebangsaan seterusnya antarabangsa.

14. Selain itu, diharapkan menerusi perkongsian berimpak berkaitan inovasi e-Pembelajaran dalam program ini memberi manfaat kepada semua pihak untuk terus berusaha menambah-baik kualiti pembelajaran & pengajaran demi melahirkan graduan yang holistik, seimbang, pantas

menangani perubahan, dan kompetitif sehingga ke arena global.

15. Akhir kata, dengan lafaz Bismillahirrahmanirrahim, sukacitanya saya merasmikan penutupan Karnival dan Persidangan e-Pembelajaran UTeM 2019.

Sekian, Wabillahi Taufik Walhidayah Wassalamualaikum wrt wbt.